MAYBAN SECURITIES SDN BHD

lwn.

NATIONAL UNION OF BANK EMPLOYEES & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
WAN ADNAN MUHAMAD H
[GUAMAN NO: D4-22-4572-1998]
25 MAC 2002

PROSEDUR SIVIL: *Pliding - Saman dan pernyataan tuntutan - Permohonan untuk membatal - Tuntutan bayaran balik hutang berdasarkan surat tanggungan - Sama ada tuntutan 'obviously unsustainable' - Pihak-pihak - Sama ada defendan kedua harus digugur dari menjadi pihak dalam tuntutan - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 15 k. 6, A. 18 k. 19, A. 92 k. 4*

PERBANKAN: *Jaminan untuk pinjaman - Surat tanggungan - Liabiliti - Perjanjian untuk menjamin hutang - Hutang dijamin oleh Setiausaha Agung kesatuan - Sama ada membangkitkan tanggungan jawatan - Sama ada membangkitkan tanggungan diri*

Defendan kedua, sewaktu menjadi Setiausaha Agung defendan pertama ('kesatuan'), telah menandatangani satu surat tanggung rugi bagi menjamin suatu hutang yang diberikan plaintif kepada Kesatuan. Kesatuan gagal membayar balik, dan plaintif memfail tuntutan terhadap Kesatuan, defendan kedua dan seorang lagi menuntut bayaran balik hutang. Defendan kedua menyatakan bahawa tuntutan terhadapnya adalah suatu salah guna proses, kerana beliau tidak lagi menjadi Setiausaha Agung Kesatuan. Dihujahkan selanjutnya bahawa beliau menandatangani surat tanggungan dalam kapasiti sebagai Setiausaha Agung Kesatuan, dan tanggungjawabnya terhenti apabila beliau berhenti dari jawatan tersebut. Hujah-hujah ini telah diterima oleh Penolong Kanan Pendaftar ('PKP'), yang dengan itu membenarkan permohonan defendan kedua untuk membatalkan saman dan pernyataan tuntutan plaintif dan menggugurkan namanya dari menjadi pihak dalam tuntutan di bawah A. 18 k. 19(1)(b) & (d) dan A. 15 k. 6(2)(a) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Plaintif merayu dan bertikai antara lain bahawa defendan bertanggunan secara peribadi atas jaminan yang ditandatanganinya dan kerana itu keputusan PKP membatalkan saman dan pernyataan tuntutannya adalah satu keputusan yang silap.

Diputuskan:

[1] Dalam perjanjian untuk menjamin hutang, tanggungjawab penjamin ialah untuk membayar hutang kerana peminjam gagal membuat bayaran. Oleh

yang demikian jaminan kepada hutang kesatuan dijamin oleh seorang yang diharap dapat membayar hutang jika kesatuan gagal membayarnya. Saranan yang mengatakan bahawa defendan kedua tidak bertanggungan kerana dia hanya menjamin atas jawatannya sebagai setiausaha agung kesatuan adalah tidak munasabah. (ms 324 c-d)

[2] Sebagai setiausaha agung defendan kedua bukanlah pihak ketiga tetapi adalah sebahagian daripada kesatuan. Untuk membayar hutang setiausaha agung mesti memperoleh wang daripada tabung kewangan kesatuan, yang bermakna jika kesatuan tidak berupaya maka setiausaha agung juga tidak berupaya. Dalam keadaan sedemikian, tidak mungkin plaintif akan memberi pinjaman kepada kesatuan jika mengetahui bahawa jaminan oleh defendan kedua merupakan tanggungan jawatan dan bukan tanggungan diri. Situasi sebegitu bukan hasrat tersirat mana-mana perjanjian tanggungan. (ms 324 f)

[2a] Oleh yang demikian, jaminan oleh defendan kedua di sini adalah atas kapasiti diri dan beliau adalah bertanggungan secara berasingan dan bersesama untuk membuat pembayaran balik hutang. (ms 325 c)

[3] Defendan kedua tidak menafikan bahawa beliau adalah pihak dalam perjanjian antara plaintif dan defendan-defendan. Apa yang disarankan hanyalah bahawa beliau tidak bertanggungan lagi selepas berhenti dari jawatan setiausaha agung defendan pertama. Dalam hal sedemikian, kes plaintif bukanlah suatu kes yang 'unsustainable'. Selain itu, apa yang berlaku ketika perjanjian ditandatangani hanya dapat diketahui melalui perbicaraan penuh. (ms 325 h-i)

[4] Jika mahkamah membenarkan permohonan ini ia akan memprejudiskan plaintif kerana dinafikan pembuktian secara merit. Sebaliknya defendan kedua tidak akan diprejudis kerana, jikapun ia ditakdirkan bertanggungan ke atas dirinya ia boleh menuntut pampasan daripada kesatuan. Jelas, defendan kedua gagal membentangkan suatu kes yang nyata bagi memperolehi perintah seperti yang dipohon. (ms 326 b-d)

[Rayuan plaintif dibenarkan.]

Kes-kes yang dirujuk:

Bandar Builder Sdn Bhd & Others v. United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 4 CLJ 7 ***(dirujuk)***

Lai Yoke Ngan & Anor v. Chin Teck Kwee & Anor [1997] 3 CLJ 305 ***(dirujuk)***

Permodalan MBf Sdn Bhd v. Tan Sri Datuk Hamzah Abu Samah & Ors [1988] [1988] 1 CLJ 31; 1 CLJ (Rep) 244 ***(dirujuk)***

Suppuletchumi Karpaya v. Palmco Bina Sdn Bhd [1994] 2 AMR 1191 ***(dirujuk)***

Tan Beng Sooi v. Penolong Kanan Pendaftar (United Maybank Finance Bhd, intervenor) [1995] 2 CLJ 846 ***(dirujuk)***
The Osprey [2000] 1 SLR 281 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 15 r. 6(2)(a), O. 18 r. 19(1)(b), (d), O. 92 r. 4

Sumber lain yang dirujuk:
Jowitt's Dictionary of English Law, ms 1016
Geraldine Mary Andrew & Richard Millet, *Law of Guarantees*, ms 51, 52

Bagi pihak defendan - T/n Ong Kok Bin & Co
Bagi pihak plaintif - T/n Raja, Darryl & Loh

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Wan Adnan Muhamad H:
Lampiran 48 ialah notis rayuan kepada hakim dalam kamar oleh pihak plaintif terhadap keputusan penolong kanan pendaftar pada 25 Ogos 2000 yang telah membenarkan permohonan oleh defendan kedua melalui saman dalam kamar (SDK) di lampiran 9 untuk membatalkan saman dan pernyataan tuntutan plaintif dengan kos. Pada 10 Januari 2002 saya telah membenarkan rayuan plaintif (L48) dengan kos dalam kausa.

Melalui SDK di lampiran 9 defendan 2 memohon mahkamah memberi suatu perintah berikut bahawa:

(a) Saman dan pernyataan tuntutan plaintif bertarikh 11 Disember 1998 terhadap defendan kedua dibatalkan menurut A. 18 k. 19(1)(b) dan (d) dan A. 92 k. 4 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980;

(b) Mahkamah memerintahkan bahawa defendan kedua terhenti menjadi pihak dalam tindakan ini menurut A. 15 k. 6(2)(a) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan di bawah bidangkuasa asal mahkamah;

(c) Nama defendan kedua dikeluarkan daripada rekod (expunged from the record) dalam tindakan ini;

(d) Kos permohonan ini ditaksirkan dan dibayar oleh plaintif kepada defendan kedua dalam semua keadaan;

(e) Relif-relif lain yang mahkamah yang mulia ini berpendapat suai manfaat.

Alasan yang diberikan untuk permohonan tersebut ialah tindakan ini adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah dan defendan 2 tidak patut dijadikan pihak dalam tindakan ini kerana beliau tidak lagi menjadi setiausaha agung defendan 1.

Bagi menyokong permohonannya defendan 2 melalui affidavit beliau di lampiran 8 menghuraikan latarbelakang dan fakta kes antaranya yang material ialah beliau mengakui menandatangani suatu surat tanggung rugi bertarikh 26 November 1994 (sila lihat eks. A lampiran 8) ketika beliau menjawat jawatan setiausaha agung defendan 1. Pada 16 Disember 1998 beliau telah berhenti menjadi setiausaha agung defendan 1.

Asas permohonan defendan kedua ialah oleh kerana beliau tidak lagi menjadi Setiausaha Agung defendan 1 maka beliau tidak boleh bertanggungan atas tanggungan sendiri (personal capacity) kerana ketika beliau menandatangani surat tanggung rugi kedudukannya adalah sebagai Setiausaha Agung defendan 1. Selanjutnya beliau beralasan bahawa tanggungjawabnya terhenti bila beliau berhenti menjadi Setiausaha Agung defendan 1.

Adalah tidak dipertikaikan bahawa borang permohonan membuka akaun dibuat atas nama defendan 1 iaitu Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (Kesatuan) (sila lihat eks. A ms. 1 dan 2 lampiran 8). Dalam borang tersebut ada tercatat nama K Sanmugam di bawah kepala 'board of directors, partners, office bearer.' Defendan 2 sebagai setiausaha agung defendan 1 adalah salah seorang yang diberi kuasa untuk berurusan bagi pihak defendan 1. Ini terkandung dalam borang tersebut (lampiran 8 eks. A ms. 1 & 2).

Di dalam surat tanggungan (sila lihat eks. A lampiran 8 ms. 3 dan 4) defendan 2 telah mengakui untuk bersama-sama bertanggungan. Persoalan yang dibangkitkan oleh pihak defendan 2 ialah bahawa beliau tidak bertanggungan kerana beliau menandatangani surat tanggungan sebagai setiausaha agung defendan 1 dan bukan atas kapasiti dirinya sendiri.

Sayugia diingatkan bahawa defendan 1 adalah kesatuan yang dikelolakan oleh pengurusan di mana defendan 2 adalah salah seorang yang diberi kuasa untuk membuat pengurusan dalaman atau luaran. Kesatuan hanya berupaya memohon pinjaman melalui dayausaha oleh orang yang diberi kuasa seperti defendan 2.

Dalam kes ini adakah defendan 2 dipertanggungjawab atas apa-apa tanggungan defendan 1 sebagai penjamin secara persendirian (personal) ataupun tanggungan tersebut tidak meliputi tanggungan diri tetapi tanggungannya sebagai setiausaha agung kesatuan. Jika tanggungan hanya meliputi tanggungan sebagai setiausaha agung kesatuan maka apabila defendan 2 berhenti sebagai setiausaha agung beliau tidak bertanggungan lagi.

Jika diteliti surat tanggungan (letter of indemnity) eks. A ms. 3 dan 4 lampiran 8 nyata dikatakan bahasa tanggungan ialah (dalam bahasa asal):

> ... we as principal officials of National Union of Bank Employees hereby agree and undertake to jointly and severally indemnify Mayban Securities Sdn Bhd ... .

Saranan peguam defendan 2 ialah wujudnya dalam surat tersebut perkataan "as principal official" dan ditandatangani dengan nama K Sanmugan (defendan 2) dan di bawah namanya ialah jawatannya sebagai setiausaha agung kehormat.

Dalam perjanjian untuk menjamin hutang, tanggungjawab penjamin ialah untuk membayar hutang kerana peminjam gagal membuat bayaran. Oleh yang demikian jaminan kepada hutang kesatuan dijamin oleh seorang yang diharap dapat membayar hutang jika kesatuan gagal membuatnya.

Lazimnya tanggungan diri berbangkit jika pengarah menjadi penjamin bagi pihak syarikat dan bukan atas tanggungan jawatan pengarah kerana ia tidak memberi manafaat. Pengarah adalah minda syarikat.

Saranan yang menyatakan bahawa defendan 2 tidak bertanggungan kerana dia hanya menjamin atas jawatannya sebagai setiausaha agung tidak dapat diterima sebagai munasabah.

Jaminan ialah suatu perbuatan untuk membayar hutang peminjam oleh pihak ketiga. Pada hemat saya defendan 2 sebagai setiausaha agung bukan pihak ketiga. Setiausaha Agung ialah sebahagian daripada defendan 1. Untuk membayar hutang setiausaha agung mesti memperolehi wang daripada tabung kewangan defendan 1. Jika defendan 1 tidak berupaya maka setiausaha agung juga tidak berupaya. Dalam keadaan sedemikian pada pendapat saya tidak mungkin plaintif akan memberi pinjaman kepada defendan 1 jika mengetahui bahawa jaminan oleh defendan 2 merupakan tanggungan jawatan dan bukan tanggungan diri. Tidak keterlaluan jika saya katakan situasi sebegitu bukan hasrat tersirat oleh mana-mana perjanjian tanggungan.

Untuk memaparkan pengertian makna "joint and severally" peguam plaintif dalam hujahnya mengemukakan petikan daripada kamus *Jowitt's Dictionary of English Law* di ms. 1016 iaitu (dalam bahasa asal):

> ... two or more persons is joint and several when each is liable severally and all are liable jointly.

Peguam plaintif juga dalam hujahan bertulisnya bagi menunjukkan hasrat tersirat perjanjian jaminan memetik dari buku *Law of Guarantees* oleh Geraldine Mary Andrew & Richard Millet di ms. 51 di mana penulis menyatakan (dalam bahasa asal):

> The signature of a document on behalf of a company by a director may result in his being held personally liable as a surety, either because ... or because as a matter of construction of the written agreement has undertaken personal liability instead of, or as well as, the company.

Dan di ms. 52:

> If the document which has been signed 'for and on behalf of' a named company is in the form of a guarantee of the indebtedness of that very same company, the probabilities are that the person who signed it did intend to undertake a personal liability as guarantor. Otherwise, the guarantee would be meaningless.

Saya memperakui bahawa itulah proposisi prinsip undang-undang yang betul bahawa jaminan oleh setiausaha agung defendan 1 adalah atas kapasiti diri dan defendan 2 adalah bertanggungan secara berasingan dan bersesama (severally and jointly).

Jika tidak sedemikian tanggungan yang bukan berasingan dan bersama tidak ada maknanya.

Berbalik kepada permohonan di lampiran 9 jelas sekali ia adalah bertujuan untuk menggugurkan defendan 2 daripada menjadi pihak dalam tindakan plaintif terhadap defendan 1, 3 dan dirinya. Permohonannya adalah bersandarkan peruntukan-peruntukan A. 18 k. 19 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi (KMT) 1980, A. 15 k. 6 dan A. 92 k. 4 KMT.

Prinsip undang-undang di bawah peruntukan aturan-aturan berkenaan terutama A. 18 k. 19 KMT sudah mantap. Sila lihat kes *Bandar Builder Sdn Bhd & Others v. United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 4 CLJ 7; *The Osprey* [2000] 1 SLR 281.

Dalam prosiding interlokutori A. 18 k. 19 KMT seperti ini mahkamah tidak dikehendaki menentukan merit sesuatu kes tetapi hanya untuk menentukan sama ada tindakan plaintif adalah 'obviously unsustainable' ataupun adakah kes yang 'plain and obvious' untuk membatalkan tindakan. (Sila lihat *Bandar Builder Sdn Bhd & Others v. United Malayan Banking Corporation Bhd (supra)*). Jika diteliti affidavit dan pliding serta dokumen-dokumen yang relevan maka pada hemat saya ia bukanlah suatu kes yang 'unsustainable' kerana memang tidak dinafikan oleh defendan 2 bahawa beliau adalah pihak dalam perjanjian antara plaintif dan defendan-defendan. Apa yang disarankan ialah bahawa beliau tidak bertanggungan lagi selepas berhenti dari menjawat jawatan sebagai setiausaha agung defendan 1. Dalam prosiding interlokutori keterangan-keterangan yang mendalam tidak dikehendaki. Oleh itu mahkamah tidak dapat mengetahui apa yang sebenarnya berlaku sebelum dan ketika perjanjian pinjaman ditandatangani. Keadaan ini hanya boleh didapati dari perbicaraan penuh. (Sila lihat *The Osprey (supra)*).

Prinsip undang-undang nyata sekali bahawa mahkamah tidak sewenang-wenangnya memberi penghakiman muktamad atas andaian bahawa tindakan plaintif tidak akan berjaya. (Sila lihat kes *Lai Yoke Ngan & Anor v. Chin Teck Kwee & Anor* [1997] 3 CLJ 305.

Prosiding awalan seperti ini tidak sesuai menentukan merit kerana keterangan yang terperinci hanya boleh dikemukakan melalui perbicaraan penuh. Jika mahkamah membenarkan permohonan ini ia akan memprejudiskan plaintif kerana dinafikan pembuktian secara merit. Lagipun defendan kedua tidak akan diprejudiskan kerana dalam pembicaraan nanti akan terbukti apa-apa kebenaran. Jika defendan 2 ditakdirkan bertanggungan atas dirinya beliau boleh menuntut pampasan daripada defendan 1.

Justeru itu pada hemat saya defendan 2 gagal membentangkan suatu kes yang nyata bagi memperolehi perintah di bawah A. 18 k. 19 KMT. Juga atas alasan yang sama saya tidak akan menggunakan budubicara saya untuk menggugurkan defendan 2 dari menjadi pihak berdasarkan peruntukan di bawah A. 15 k. 6 KMT.

Saya juga tidak akan menggunakan budibicara di bawah peruntukan A. 92 k. 4 KMT kerana pada hemah saya mahkamah tidak seharusnya menggunakan A. 92 k. 4 KMT tanpa meneliti sama ada wujudnya ketidakadilan kepada semua pihak dan bukan kepada pihak yang memohon sahaja. Dalam kes ini aturan dan kaedah tertentu sudah ada bagi mengawalselia prosiding seperti A. 18 k. 19 dan A. 15 k. 6 yang disandarkan oleh defendan 2. Maka mahkamah tidak sepatutnya menggunakan budibicara di bawah A. 92 k. 4 sebagai ‘last resort’ untuk menolong mana-mana pihak melainkan tidak wujud aturan atau kaedah khusus hingga boleh membawa kepada ketidakadilan kepada mana-mana pihak (sila lihat kes *Permodalan MBf Sdn Bhd v. Tan Sri Datuk Hamzah Abu Samah & Ors* [1988] 1 CLJ 31; [1988] 1 CLJ (Rep) 244; *Tan Beng Sooi v. Penolong Kanan Pendaftar (United Maybank Finance Bhd, intervenor)* [1995] 2 CLJ 846; *Suppuletchumi Karpaya v. Palmco Bina Sdn Bhd* [1994] 2 AMR 1191).